

[You are here: >> Archival News](#)

Penghapusan duti import racun kurangkan harga makanan

Source:Berita Harian

Date: 02-09-2008

PENGHAPUSAN duti import ke atas baja dan racun perosak seperti diumumkan dalam Bajet 2009, akan menyumbang ke arah produktiviti lebih tinggi di ladang dan mengurangkan harga produk pertanian, kata Prof Dr Pazim Fadzim Othman dari Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika membentangkan Bajet 2009 di Dewan Rakyat Jumaat lalu mengumumkan duti import sebanyak 5 hingga 25 peratus ke atas baja dan racun perosak akan dihapuskan.

"Penyelidikan kami terhadap lebih 600 pekebun menunjukkan hanya peratusan kecil menghasilkan sembilan tan sehektar, manakala yang lain antara empat hingga lima tan sehektar kerana mereka menggunakan kurang baja," kata Pazim pada Dialog Pasca-Bajet 2009 kelmarin.

Program itu dianjurkan bersama Persatuan Ekonomi Malaysia dan Standard Chartered Bank Malaysia Bhd.

Beliau menegaskan, harga baja dan racun perosak yang tinggi adalah penyebab produktiviti yang rendah.

"Penghapusan duti import akan menggalakkan pekebun menggunakan lebih banyak baja dan meningkatkan produktiviti dan ia merendahkan harga makanan," katanya.

Pazim berkata langkah kerajaan ke arah meninjau kawasan baru bagi perladangan, mengoptimumkan penggunaan sumber yang ada, menggalakkan penyertaan sektor swasta dan pelabur adalah langkah yang baik.

(END) Source : Berita Harian